

KERTAS KERJA IPS MENGENAI AGAMA DI S'PURA

Hidup beragama tidak halang rakyat S'pura hidup secara harmoni

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

KEBANYAKAN warga Singapura akur beragama, tetapi itu tidak menghalang mereka untuk hidup secara harmoni dengan orang beragama lain.

Namun, lebih banyak yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kepercayaan antara agama, demikian menurut satu kertas kerja Institut Kajian Dasar (IPS) yang dikeluarkan semalam.

Kertas kerja itu meneliti data Singapura daripada satu kajian antarabangsa yang dijalankan hujung tahun lalu di bawah Program Kajian Sosial Antarabangsa berkaitan Agama.

Kajian itu meninjau seramai 1,800 warga Singapura berbeza usia dan agama berkaitan isu kepercayaan agama, tahap pegangan agama dan peranan yang dimainkan agama dalam lingkungan orang awam dan privet.

Kertas IPS itu ditulis zamil penyelidik kanan, Dr Mathew Mathews; penyelidik bersekutu, Encik Leonard Lim; dan penolong penyelidik, Cik Shanthini Selvarajan.

Laporan itu mendapati tahap sikap keagamaan yang tinggi dalam kalangan warga Singapura.

Tiga suku daripada warga akur menganuti agama, dengan Kristian, Katolik serta Islam, yang paling berpegang kukuh kepada agama mereka.

Sepuluh daripada responden juga melaporkan mereka sembahyang sekurang-kurangnya sekali setiap minggu.

Laporan itu turut mengkaji sikap warga Singapura terhadap keharmonian agama.

Kebanyakan atau 73 peratus setuju orang berlainan agama boleh hidup secara harmoni berdekatan satu sama lain, yang menandakan sokongan tinggi terhadap keharmonian agama.

Namun, laporan itu menandakan lebih banyak yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kepercayaan antara agama.

Ini meskipun kumpulan agama utama di sini – Buddha, Kristian dan Islam – dilihat secara positif oleh majoriti penganut dari latar belakang agama lain.

Misalnya, 33.2 peratus penganut Islam memandang 'positif' dan 42.7 peratus 'agak positif' terhadap penganut Buddha.

Begitu juga dengan penganut Hindu, dengan 41.7 peratus memandang positif dan 43.8 agak positif terhadap masyarakat beragama Buddha.

Bagi penganut agama Katolik, bilangannya juga tinggi – 20.9 peratus memandang positif dan 48.8 peratus agak positif.

Secara amnya, responden lebih cenderung untuk menggangap Kristian, Buddha dan ateis secara positif.

“Secara keseluruhannya, tinjauan ini memberi gambaran agama yang positif di Singapura. Meskipun terdapat bilangan agak besar penduduk warga Singapura yang beragama, mereka menghargai hubungan antara agama yang positif di sini, dan akur tentang sikap yang tidak selaras dengan keharmonian agama.”

– Penyelidik IPS yang berkata isu keagamaan akan terus menguasai wacana awam, lebih-lebih lagi dengan negara serata dunia cuba mengimbangi sikap keagamaan serta sikap ateis (tidak percaya Tuhan) meningkat.

Bagaimanapun, ada segelintir (15.6 peratus) yang meluahkan mereka melihat orang Islam sebagai menakutkan.

Kajian IPS itu turut meneliti sikap warga Singapura terhadap beberapa isu moral.

Kebanyakan menganggap kecurangan rumah tangga (82 peratus) salah sama sekali, manakala 68 peratus menentang hubungan seks sejenis sama sekali, dan 38 peratus menolak keras pengguguran bayi.

Namun, responden lebih muda dan lebih berpendidikan mendapati lebih kemungkinan tidak mendapatinya salah.

Selain meninjau sikap agama secara peribadi, kajian tersebut turut meneliti sikap warga Singapura tentang peranan agama dalam kehidupan awam.

Antara dapatannya, majoriti warga Singapura meletakkan keyakinan tinggi terhadap badan dan institusi agama di sini.

Seramai 52.8 peratus responden melahirkan keyakinan penuh atau tinggi terhadap badan agama yang berbeza.

Dalam pada itu, sebahagian besar orang ramai rata-rata berpendapat golongan pelampau atau ekstrem tidak seharusnya dibenarkan mengadakan mesyuarat melibatkan orang awam untuk meluahkan atau menerbitkan pandangan mereka secara dalam talian.

Penyelidik berkata ini memberi isyarat jelas bahawa ke-

banyakan rakyat Singapura merasakan bahawa individu terlibat tidak seharusnya diberi kebebasan untuk menyebar luaskan pandangan mereka dalam suasana berbilang agama dan berbilang budaya yang menjadi tunggak keharmonian sosial di sini.

Lebih 73 peratus responden melahirkan pandangan sedemikian rupa.

Dapatan kertas kerja itu menunjukkan 27.5 peratus Muslim dan 25.3 peratus responden tidak mempunyai pegangan agama, cenderung menyatakan individu sedemikian seharusnya atau mungkin dibolehkan mengadakan mesyuarat melibatkan orang awam.

Secara kesimpulan, penyelidik berkata isu keagamaan akan terus menguasai wacana awam, lebih-lebih lagi dengan negara serata dunia cuba mengimbangi sikap keagamaan serta sikap ateis (tidak percaya Tuhan) meningkat.

“Secara keseluruhannya, tinjauan ini memberi gambaran agama yang positif di Singapura.

“Meskipun terdapat bilangan agak besar penduduk warga Singapura yang beragama, mereka menghargai hubungan antara agama yang positif di sini, dan akur tentang sikap yang tidak selaras dengan keharmonian agama,” kata penyelidik.

Lebih banyak tinjauan diperlukan untuk mendalami pemikiran warga Singapura tentang agama, sikap keagamaan, serta peranannya dalam lingkungan awam.

SEKILAS DAPATAN IPS

SIKAP AGAMA SECARA PERIBADI

- Kebanyakan (77%) akur menganuti agama, dan lebih separuh (53%) yakin ada Tuhan
- Empat dalam 10 responden lapor bersembahyang sekurang-kurangnya satu kali sehari
- 77% Muslim sembahyang sekurang-kurangnya sekali setiap hari
- Sikap terhadap hubungan seks sejenis: 85% Muslim, 78% Hindu, 78% Kristian, dan 50% tiada agama, anggapnya salah

SIKAP AGAMA DALAM LINGKUNGAN AWAM

- Lebih separuh (53%) yakin terhadap pertubuhan agama, setaraf dengan bilangan yang yakin dengan Parlimen
- Tujuh dalam 10 tidak setuju dengan kenyataan 'orang berlainan agama tidak boleh hidup harmoni'
- Buddhist, Hindu, Yahudi, ateis dianggap 'paling kurang menakutkan'
- Enam dalam 10 responden setuju pemerintah tidak harus campur tangan dengan usaha sebar agama
- Hampir dua pertiga setuju agama terus relevan hari ini dan masa depan

KERTAS KERJA IPS MENGENAI AGAMA DI S'PURA

Kertas kerja Institut Pengajian Dasar (IPS) mengenai Agama di Singapura: Lingkungan Awam dan Privat mengkaji hasil dapatan data Singapura yang diperolehi melalui Penyelidikan Program Kajian Sosial Antarabangsa berkaitan Agama, yang dilaksanakan tahun lalu ke atas negara berbeza. Dapatan tersebut berdasarkan pandangan 1,800 warga Singapura berbeza usia dan agama berkaitan isu kepercayaan agama, tahap pegangan agama dan peranan yang dimainkan agama dalam lingkungan awam dan privat. **BERITA HARIAN** memaparkan laporan tersebut.



KEYAKINAN AGAMA: Majoriti warga Singapura meletakkan keyakinan tinggi terhadap badan dan institusi agama di sini. – Foto fail

KEYAKINAN DALAM INSTITUSI AGAMA

Warga S'pura punya keyakinan tinggi terhadap badan, institusi agama di sini

MAJORITI warga Singapura meletakkan keyakinan tinggi terhadap badan dan institusi agama di sini. Menurut dapatan Kertas Kerja Institut Kajian Dasar (IPS) mengenai Agama di Singapura: Lingkungan Orang Awam dan Privat, sebanyak 52.8 peratus responden menzahirkan keyakinan penuh atau tinggi terhadap badan agama yang berbeza. Malah, hasil keseluruhan menunjukkan bahawa majoriti warga Singapura memandang tinggi institusi keagamaan dan mempunyai tahap keyakinan yang tinggi terhadap keupayaan institusi tersebut.

Bagi mengukur tahap keyakinan mereka, responden diminta memberikan tahap keyakinan mereka terhadap lima institusi awam besar. Ini termasuk sistem pendidikan dan sekolah, Parlimen Singapura, perniagaan, serta masjid, gereja, kuil dan badan agama. Berdasarkan dapatan itu, penganut Hindu muncul sebagai masyarakat yang mempunyai kepercayaan paling tinggi terhadap badan-badan agama dengan lebih 76 peratus berpendapat demikian, diikuti warga Singapura beragama Islam (69.3 peratus) dan Katolik (66.2 peratus).

Masyarakat Buddha dan mereka yang tidak menganut sebarang agama mencatatkan tahap keyakinan rendah terhadap badan-badan agama. Dapatan tersebut turut menunjukkan bahawa jumlah responden yang meletakkan kepercayaan tinggi terhadap badan agama serupa dengan jumlah yang berpandangan demikian tentang Parlimen Singapura. Namun, jumlah tersebut kurang berbanding lebih 60 peratus responden yang meletakkan keyakinan tinggi terhadap sistem perundangan, mahkamah dan sekolah. Menerusi dapatan itu juga, warga Singapura didapati

mempunyai tahap keyakinan yang rendah bagi sektor perniagaan dan perusahaan. Dapatan tersebut adalah berdasarkan data Singapura hasil Penyelidikan Program Kajian Sosial Antarabangsa berkaitan Agama yang dilakukan tahun lalu ke atas pelbagai negara. Pandangan seramai 1,800 warga Singapura dikumpulkan melalui tinjauan tersebut, di mana mereka ditanyakan mengenai kepercayaan agama, tahap keagamaan dan peranan agama dalam lingkungan awam dan privat.

PERSEPSI KEHARMONIAN ANTARA AGAMA

Ramai selesa tinggal berhampiran individu berlainan agama

LEBIH 70 peratus responden merasakan bahawa individu dengan latar belakang agama yang berbeza boleh menetap berhampiran satu sama lain dalam harmoni, memaparkan sokongan kukuh terhadap keharmonian berbilang kaum dan agama. Dapatan Kertas Kerja Institut Kajian Dasar (IPS) mengenai Agama di Singapura: Lingkungan Awam dan Privat menunjukkan bahawa apabila ditanya sama ada benar individu dari latar belakang agama berbeza tidak serasi apabila menetap berhampiran dengan satu sama lain, seramai 72.7 peratus tidak bersetuju. Tinjauan tersebut bertujuan mengukur pandangan responden terhadap keharmonian berbilang agama dalam masyarakat Singapura dan menunjukkan tahap yang tinggi di Singapura.

Namun pandangan tersebut berbeza berdasarkan latar belakang agama responden. Penganut agama Kristian dan Islam membentukkan bahagian terbesar yang menyatakan bahawa mereka tidak setuju dengan kenyataan tersebut. Sekitar 78 peratus responden Muslim dan 83.4 peratus Kristian menzahirkan rasa tidak setuju atau tidak setuju sama sekali, berbanding 63.6 peratus penganut Hindu dan 64.5 peratus mereka yang tidak menganut sebarang agama. Pandangan responden terhadap enam golongan masyarakat di Singapura – Kristian, Muslim, Hindu, Buddha, Yahudi, dan ateis atau mereka yang tidak beragama – turut direkodkan. Penganut agama Kristian dan Buddha dilihat secara positif oleh semua responden, namun laporan tersebut turut menekankan ini mungkin kerana

na penganut kedua agama itu kebanyakannya dari masyarakat Cina, dan majoriti responden turut berbangsa Cina. Seramai 57.8 peratus responden melihat penganut agama Hindu secara positif, diikuti penganut agama Islam (56.5 peratus) masyarakat Yahudi (54.5 peratus) dan golongan ateis atau mereka yang tidak beragama (53.8 peratus). Dapatan tersebut adalah berdasarkan data Singapura hasil Penyelidikan Program Kajian Sosial Antarabangsa berkaitan Agama yang dilakukan tahun lalu ke atas pelbagai negara. Pandangan seramai 1,800 warga Singapura dikumpulkan melalui tinjauan tersebut, di mana mereka ditanyakan mengenai kepercayaan agama, tahap keagamaan dan peranan agama dalam lingkungan awam dan privat.

SIKAP TERHADAP AGAMA LAIN

Kumpulan agama utama di sini dipandang positif

KUMPULAN agama utama di sini – Buddha, Kristian dan Islam – dilihat secara positif oleh majoriti penganut dari latar belakang agama lain. Misalnya, 33.2 peratus peratus penganut Islam memandang positif dan 42.7 lagi agak positif terhadap penganut Buddha. Begitu juga dengan penganut Hindu dengan 41.7 peratus memandang positif dan 43.8 agak positif terhadap masyarakat beragama Buddha. Bagi penganut agama Katolik, bilangannya juga tinggi – 20.9 peratus memandang positif dan 48.8 peratus agak positif. Namun, bilangannya lebih rendah bagi responden yang tidak menganut sebarang agama dengan 43.8 peratus daripada mereka memandang positif terhadap penganut Kristian dan 32.9 peratus (Muslim) berbanding responden dari kumpulan agama lain seperti Hindu dan Buddha memandang masyarakat beragama Kristian dan Islam. Ini berdasarkan dapatan kertas kerja Institut Kajian Dasar (IPS) berjudul Agama di Singapura: Lingkun-

gan Awam dan Privat yang diedarkan kepada media semalam. Dapatan IPS itu menarik perhatian pandangan masyarakat Islam terhadap penganut Kristian adalah lebih baik daripada pandangan golongan Kristian terhadap masyarakat Islam. Contohnya, dapatan itu menunjukkan 61 peratus penganut Kristian bersikap sangat atau agak positif terhadap masyarakat Islam. Sedangkan 78 peratus masyarakat Islam berpandangan sedemikian terhadap penganut Kristian. Kajian itu juga menampilkan respons responden terhadap soalan mengenai sama ada agama-agama di sini menimbulkan rasa terancam atau sebaliknya terhadap mereka. Dapatan IPS itu menunjukkan agama Buddha, Hindu, Yahudi dan ateis adalah yang paling kurang ancamannya. Contohnya, 97 peratus daripada mereka mendapati para penganut Buddha "tidak begitu mengancam" atau "tidak sama sekali, Hindu (hampir 96 peratus) dan Yahudi (94.7 peratus).

SIKAP TERHADAP PELAMPAU AGAMA

Golongan ekstrem tidak harus dibenar terbit pandangan di 'online'

SEBAHAGIAN besar orang ramai rata-rata berpendapat golongan pelampau atau ekstrem tidak seharusnya dibenarkan mengadakan perjumpaan melibatkan orang awam untuk meluahkan atau menyalurkan pandangan mereka secara dalaman. Institut Kajian Dasar (IPS) berkata ini kerana ia memberi isyarat jelas bahawa kebanyakan rakyat Singapura merasakan bahawa individu terlibat tidak seharusnya diberi kebebasan untuk menyebar luaskan pandangan mereka dalam suasana berbilang agama dan berbilang budaya yang menjadi tulang keharmonian sosial di sini. Dalam kertas kerja berjudul Agama di Singapura: Lingkungan Awam dan Privat, IPS menyatakan lebih 73 peratus responden melahirkan pandangan sedemikian rupa. Dapatan kertas kerja itu menunjukkan 27.5 peratus Muslim dan 25.3 peratus responden tidak mempunyai pegangan agama, cenderung untuk menyatakan bahawa individu

sedemikian seharusnya atau mungkin dibolehkan mengadakan perjumpaan melibatkan orang awam. "Namun, dalam kebanyakan kes, majoriti responden daripada semua latar belakang agama menyatakan bahawa mereka mungkin atau tidak akan sama sekali membenarkan pelampau agama diberi kebebasan sedemikian rupa," kata IPS. Dari segi peringkat umur, responden muda lebih cenderung bersikap terbuka kepada pelampau agama mengadakan perjumpaan dengan orang awam atau melahirkan pandangan mereka secara dalaman. Malah, lebih sepertiga daripada mereka yang berumur antara 18 dengan 25 tahun berkata bahawa mereka mungkin atau pasti membenarkan individu sedemikian mengadakan perjumpaan umum, manakala 45.6 peratus responden berpandangan serupa terhadap golongan pelampau agama itu meluahkan pandangan mereka secara dalaman.